

Konflik Israel-Palestin yang ragut 11,000 nyawa Islam, Kristian perlu ditamatkan

# Malaysia tidak sokong pengganas

Utusan  
Malaysia

BERSAMA  
PALESTIN

Oleh FITRI NIZAM  
fitri.nizam@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pendirian Malaysia dalam konflik Palestin-Israel diputarbelitkan sehingga dituduh bersetuju dengan tindakan pengganas.

Mempertahankan pendirian negara, Perdana Menteri berkata, Malaysia mengutuk semua bentuk keganasan yang sedang berlaku di Semenanjung Gaza.

"Kami mengutuk keganasan dalam semua bentuk dan kami mengutuk sekeras-kerasnya tindakan membunuh orang tidak berdosa dan menjadikan wanita serta kanak-kanak sebagai tebusan.

"Begitu juga, kami dengan tegas mengutuk tindakan mengebom orang awam, rumah, hospital serta mencetuskan kekejaman terhadap orang tidak berdosa, kanak-kanak, wanita, lelaki, tak kira siang atau malam di Gaza tanpa hukuman.

"Ini adalah pelanggaran undang-undang antarabangsa secara terbuka," kata beliau ketika berucap di University of California, Berkeley, San Francisco, Amerika Syarikat semalam.

Malaysia mempunyai hubungan baik dengan Hamas yang diklasifikasikan sebagai kumpulan pengganas oleh Amerika Syarikat (AS), Israel dan kebanyakan negara Eropah.

Bersambung di muka 3

## Malaysia tidak sokong pengganas

Dari muka 1

Menurut Anwar, Malaysia melihat situasi di Gaza sebagai sebuah krisis pembantaian terhadap rakyat Palestin secara rambang atas nama 'memerangi keganasan' oleh rejim Zionis Israel.

Justeru, katanya, tindakan tersebut melanggar undang-undang antarabangsa secara terang-terangan dan perlu dihentikan serta-merta.

"Akhirnya, konflik ini bukan tentang tuhan mana yang kita sembah. Lagi pun, lebih 11,000 mangsa di Gaza terdiri daripada orang Islam dan Kristian serta warganegara pelbagai negara.

"Ia adalah mengenai mencegah lebih banyak kematian, lebih banyak penderitaan dan lebih banyak kebencian," katanya.

Kata Anwar, menyokong perjuangan rakyat Palestin tidak boleh ditafsirkan sebagai ucapan kebencian (*hate speech*) mahu pun menyokong organisasi pengganas.

"Apa yang berlaku hari ini di Palestin akan memberi kesan



ANWAR Ibrahim bertemu pelajar sebelum menyampaikan syarahan di Universiti California, Berkeley sempena lawatan kerja sempena Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik APEC di San Francisco, Amerika Syarikat semalam. - GAMBAR PEJABAT PERDANA MENTERI

kepada kita semua. Implikasi daripada konflik ini sangat ketara dan berpanjangan.

"Ia akan menjejaskan bukan saja Palestin atau meluas ke Asia Barat, sebaliknya ia juga

akan meninggalkan kesan terhadap hubungan global untuk beberapa tahun mendatang," katanya.

Sementara itu, dalam syarahan sama, Perdana Menteri

berkata, Malaysia akan terus mengekalkan hubungan baiknya dengan dua kuasa besar dunia iaitu AS dan China tanpa memihak kepada mana-mana negara.